

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 04 APRIL 2014 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI galakkan lebih banyak industry berasaskan produk dikomersilkan	Bernamea.com
2	Musim kering bakal berakhir	Kosmo
3	'Cloud seeding in catchment areas will go on'	News Straits Times
4	Gempa bumi di Chile tidak jejaskan Malaysia	Utusan Malaysia
5	Gempa kuat berlaku di pantai utara Chile	Bernamea.com
6	Barang kes berpadanan	Harian Metro
7	DNA sepadan darah tertuduh	Sinar Harian
8	DNA pada ountung rokok sepadan DNA tiga tertuduh	Utusan Malaysia
9	Rogol isteri rakan: Buruh Indonesia dijel 9 tahun, 10 sebatan	Utusan Malaysia



Mosti Galakkan Lebih Banyak Industri Berasaskan Produk Dikomersilkan

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) menggalakkan lebih banyak industri berasaskan produk dikomersilkan di Malaysia.

[Menterinya Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata kementerian percaya aktiviti pengkomersilan produk sedemikian mampu mengubah sosio ekonomi Malaysia sekaligus menganjak ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"MOSTI juga menyediakan kemudahan pembiayaan dalam bentuk dana atau geran bagi menampung keperluan aktiviti penyelidikan dan pengkomersilan idea-idea tersebut," kata Ewon di majlis penyampaian Malaysia Good Design Mark 2013 kepada 21 syarikat Malaysia di sini, hari ini.

Beliau berkata Malaysia perlu memperluas dan membangunkan keupayaan dalam teknologi pembuatan, pemasaran, reka cipta dan reka bentuk untuk terus kekal dalam pasaran antarabangsa.

"Sejak Malaysia memasuki bidang perindustrian, pergantungan ekonomi kita beralih cepat pada sektor pengeluaran barangan buatan untuk pasaran tempatan dan eksport," katanya.

Sementara itu [Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia \(MRM\) Datuk Dr Ahmad Zainuddin](#) ketika berucap berkata sebanyak 23 produk daripada 21 syarikat menerima pengiktirafan "Malaysia Good Design Mark" (MGDM) 2013 di atas pengeluaran produk dengan rekaan menarik, inovatif dan berkualiti tinggi.

Sejumlah 53 produk telah diterima bagi penilaian 2013 dan hanya 23 produk sahaja diputuskan menepati kriteria yang ditetapkan oleh MRM.

Malaysia Good Design Mark merupakan pengiktirafan reka bentuk oleh kerajaan melalui MRM yang dimulakan sejak 1997.

--BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 14
TARIKH: 04 APRIL 2014 (JUMAAT)

Negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung dijangka terima hujan 200 hingga 300mm

Musim kering bakal berakhir

Oleh IKHWAN HAZWAN HAMIDUN
ikhwan.hamidun@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Perubahan Monsun Timur Laut ke Monsun Barat Daya akan menyaksikan negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung akan menerima hujan maksimum sepanjang bulan ini.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi,



AZHAR

Azhar Ishak berkata, dengan berakhirnya musim kering dari bulan Januari hingga Mac, hujan dijangka turun hampir setiap hari.

Menurutnya, dalam tempoh itu, hujan dijangka turun antara 200 milimeter (mm) hingga 300mm di negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor dalam tempoh berkenaan.

"Ketika ini, keadaan atmosfera di kebanyakan kawasan dilihat tidak stabil dan ini merupakan perkembangan baik kerana membolehkan pembentukan awan dan hujan.

"Walaupun begitu, hujan di kawasan tadahan air dan empangan dilihat masih berkurangan, namun aktiviti pembenihan hujan semakin giat dijalankan bagi menggalakkan hujan di kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azhar memberitahu, proses pembenihan awan dijalankan selama tiga hari berturut-turut di empangan di Selangor dari 1 hingga 3 April lalu.



RAKYAT mengharapkan perubahan monsun yang membawa hujan bulan ini dapat menambah kandungan air di empangan. - Gambar hiasan

Jelasnya, pembenihan tersebut boleh dikatakan 80 peratus berjaya dan hujan turun dengan lebat di sekitar Lembah Klang.

"Sekiranya keadaan ini berterusan dalam tempoh panjang, paras air di empangan akan meningkat.

"Melihat kepada kejayaan pembenihan sebelum ini, proses tersebut juga akan diteruskan di negeri-negeri utara Semenanjung seperti Perak dan Pulau Pinang selepas ini," ujarnya.

Sementara itu, Penolong Pengerus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd., Priscilla Alfred berkata, wa-

laupun hujan berterusan dan paras empangan meningkat, pihaknya tiada kuasa untuk memendekkan jadual catuan.

Menurutnya, kuasa dan arahan untuk memberhenti atau memendekkan jadual catuan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Semua sungai dan empangan tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri, hanya mereka boleh mengarahkan Syabas menentukan jadual catuan bekalan.

"Syabas hanya pengendali dan boleh bertindak apabila ada arahan serta bertindak atas kuasa yang dikeluarkan kerajaan negeri," ujarnya.

'Cloud seeding in catchment areas will go on'

NOT SUFFICIENT: Rainfall did not increase water levels in Selangor dams, says Met Dept

**KALAVAANI KARUPIAH
AND MASTURA YUSOFF**

KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

EVEN though there has been steady rainfall in recent days, it has not fallen over the required water catchment areas, resulting in the need to extend water rationing.

Meteorological Department's atmospheric science and cloud seeding division director, Azhar Ishak, said the cloud-seeding operation would be continued in an effort to increase the water levels in dams in Selangor.

"We will continue to carry out the cloud seeding operation until we get further directives.

"At the same time, the process can only be conducted if there are enough clouds in the catchment areas surrounding the seven dams.

"Basically, there is no other method to ensure that cloud seeding results in more precise rainfall. All we need are sufficient clouds to conduct the operation."

Department of Irrigation and Drainage's water resources and hydrology director, Datuk Hanapi Mohamad Noor, said though the rainwater was not sufficient in the catchment areas, it had helped raise the water levels in the dams.

"Take for example, the Sungai Selangor dam. Generally, the water level in this dam drops by an average of 0.2m daily without

any rainfall. The dam also releases water into Sungai Selangor and three other water treatment plants, which are located downstream of the dam, in Rasah, Kampung Timah and Rantau Panjang."

Hanapi said if rain did not fall in the dam catchment area but instead downstream of the dam, it would still help raise the water level in Sungai Selangor through other river tributaries such as Sungai Batang Kali, Sungai Ulu Yam, Sungai Serendah and Sungai Rawang.

Hanapi said additional water could be sourced from underground by constructing tube wells.

"Tube wells can supply underground water between half and one million litres per day, which can benefit about 5,000 people daily.

"If more underground tube wells can be constructed, preferably near the water treatment plants, then there will be more water supply available from the rivers."

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd's corporate communications and public affairs assistant general manager Priscilla Alfred said the water crisis had forced it to continue the water rationing exercise even though the third phase of the exercise was slated to end this month.

"We will continue our efforts until we get the stop notice from the Selangor government."

The ongoing water crisis has taken a turn for the worse, with more than 2.2 million consumers affected in the latest phase, bringing the total number of those affected to 5.9 million in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya.

The water rationing is expected to continue until the end of this month and may be extended if the situation worsens. **Additional reporting by Nikita Nawawi**



**WATER
CRISIS**

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 04 APRIL 2014 (JUMAAT)**

**Gempa bumi
di Chile tidak
jejaskan
Malaysia**

KUALA LUMPUR
3 April - Jabatan

Meteorologi Malaysia (JMM) mengesahkan gempa bumi sekuat 8.2 pada skala Ritche yang melanda pantai utara Chile semalam tidak akan menjejaskan kawasan perairan Malaysia ekoran bentuk geografi negara ini terhalang oleh Indonesia.

Pengarah Khidmat Korporat dan Komersial JMM, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, tiada amaran dikeluarkan pihaknya setakat ini walaupun negara jiran, Indonesia telah menasihati rakyatnya menjauhi pantai ekoran negara itu terdedah kepada tsunami setinggi 1.6 meter menjelang pagi esok.

"Buat masa ini kita tidak mengesan sebarang ancaman tsunami kerana di sebelah timur Malaysia, terdapat banyak hadangan sebelum sampai ke negara kita.

"Sebagai contoh Sulawesi, Timor Timur, Jawa di Indonesia telah menghalang gelombang tsunami menghampiri Malaysia dan disebabkan itu, Malaysia terlindung daripada bencana tersebut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Gempa bumi yang berlaku pada pukul 8.46 malam waktu tempatan (7.46 pagi waktu Malaysia) itu turut menyebabkan tsunami setinggi dua meter melanda kawasan berkenaan sehingga meragut sekurang-kurangnya enam nyawa.

Dalam pada itu, Mohd. Hisham berkata, pemantauan akan dilakukan pihaknya dari semasa ke semasa bagi mengawasi sebarang perkembangan berkaitan bencana alam tersebut.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 04 APRIL 2014 (JUMAAT)



Gempa Kuat Berlaku Di Pantai Utara Chile

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Gempa kuat berukuran 7.2 pada skala Richter berlaku berhampiran pantai utara Chile pada pukul 10.43 pagi Khamis, demikian menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Gempa tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 43
TARIKH: 04 APRIL 2014 (JUMAAT)



Barang kes berpadanan

EMPAT bekas pelajar KTAC dituduh di Mahkamah Tinggi Shah Alam atas jenayah membunuh pensyarah bahasa Inggeris, Zara Eleena dan bapanya, Omar Peter.

Hasil DNA puntung rokok sepadan dengan profil DNA 5 individu



Oleh Sarah Zulkiffi
sarah@hmetro.com.my
Shah Alam

Mahkamah Tinggi di sini, semalam, diberitahu hasil analisis asid deoksiribonukleik (DNA) pada puntung rokok berpadanan dengan profil DNA lima individu termasuk tiga tertuduh yang didakwa membunuh pensyarah Bahasa Inggeris Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics (KTAC) Zara Eleena bersama bapanya, Omar Peter Abdullah.

Ahli kimia Mohd Izuan Othman, 43, berkata, ujian dijalankan mendapati pro-

fil DNA pada puntung rokok yang juga barang kes dalam kes pembunuhan itu berpadanan dengan specimen darah tiga tertuduh iaitu Mohamad Zul Shahril Suhaimi, Azizi Aizat Ibrahim dan Muhamad Safwan Muhamad.

"Selain itu, profil DNA yang diperoleh daripada puntung rokok juga berpadanan dengan dua lagi individu iaitu saksi pertama pendakwaan, Fadhil Rushdan Rahman dan abang salah seorang tertuduh, Mohamad Zulfazren Suhaimi," katanya.

Saksi pendakwaan ke-18 itu dalam keterangannya berkata demikian ketika memberi keterangan dalam pernyataan saksi bagi kes pembunuhan Zara Eleena, 23, dan bapanya, Omar

Peter, 56, di rumah mereka di Taman Kinrara, Puchong, dua tahun lalu.

Mohd Izuan yang bertugas selama 17 tahun di Seksyen DNA Forensik, Bahagian Forensik, Jabatan Kimia Malaysia itu berkata, satu profil DNA separa diperoleh daripada barang kes lain iaitu seluar jeans yang berpadanan dengan tertuduh pertama Mohamad Zul Shahril.

"Barang kes lain seperti kasut dan berus gigi yang dianalisis didapati berpadanan dengan profil DNA Fadhil Rushdan," katanya.

Ketika pemeriksaan balas peguam tertuduh pertama Mohamad Zul Shah-

ril, Afifuddin Ahmad Hafifi, beliau berkata, dia tidak mengetahui dari mana barang kes diambil iaitu seluar jeans yang dihantar kepadanya untuk dianalisis.

Beliau juga bersetuju bahawa tidak mengetahui jika puntung rokok yang di-

analisis itu diambil pihak berkuasa dari rumah sewa tertuduh pertama.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Zul Shahril, 22; Mohamad Sharafe Matt Noh, 21; Azizi Aizat, 22, dan Muhamad Safwan, 22, di-

tuduh membunuh Zara Eleena di rumah nombor 28 Jalan TK 1/11, Taman Kin-

rara, Puchong, di antara jam 1.30 dan 2.30 pagi, 9 Mac 2012.

Mereka juga menghadapi tuduhan kedua membunuh pesara syarikat kewangan, Omar Peter di tempat sama, antara jam 11.30 malam 8 Mac dan 1.30 pagi keesokannya.

Bagi kesalahan itu, semua tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama berdepan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Aidatul Azura Zainal Abidin. Perbicaraan hari ke-21 di hadapan Hakim Datuk Abdul Halim Aman bersambung 28 April ini.

FAKTA
Profil DNA
puntung rokok
berpadanan dengan
spesimen darah
tiga tertuduh

DNA sepadan darah tertuduh

■ TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

SHAH ALAM- Mahkamah tinggi semalam diberitahu, bahawa Deoxyribonucleic acid (DNA) yang ditemui pada puntung rokok berpadanan dengan spesimen darah tertuduh dalam kes bunuh pemsyarah Bahasa Inggeris Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics (KTAC) Zara Eleena, 23 dan bapanya, Omar Peter Abdullah, 56, dua tahun lalu.

Ahli Kimia, Mohd Izuan Othman, 43, berkata, hasil analisa mendapati, tiga DNA berpadanan dengan spesimen darah tertuduh pertama, Mohamad Zul Shahril Suhaimi, tertuduh ketiga, Azizi Aizat Ibrahim, dan tertuduh keempat, Muhamad Safwan Muhamad.

Beliau yang bertugas di bahagian forensik, Jabatan Kimia Negara berkata, DNA separa yang diperoleh daripada kesan surih pada seluar jeans pula berpadanan dengan Mohamad Zul Shahril.

Saksi itu memberi ke-



terangan ketika disoal pihak pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Aidatul Azura Zainal Abidin.

Ketika pemeriksaan balas oleh peguam tertuduh pertama, Afifuddin Ahmad Hafifi, saksi pendakwaan ke 18 itu bersetuju bahawa dia tidak mengetahui puntung rokok dan seluar jeans diambil.

Menurutnya, profil DNA yang diperoleh dari kesan surih pada tisu, cermin mata, kain tudung, kapas kesat berpadanan dengan kapas kesat B iaitu tiub berlabel Zara Eleena.

Beliau berkata, barang kes diterima secara berperingkat selepas dihantar oleh anggota dokumentasi barang kes, Cawangan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Koperal Azlan Sudin, 34.

"Penerimaan pertama adalah pada 13 Mac dan dihantar semula pada 18 April 2012 selepas selesai analisa.

"Saya juga menerima barang kes tersebut pada 20 Mac dan 22 Mac serta dihantar kembali pada 1 Jun 2012,"katanya.

Dalam kes ini Mohamad Zul Shahril, Mohamad Sharafe Matt Noh, 21, Azizi Aizat, dan Muhamad Safwan dituduh membunuh Zara Eleena di sebuah rumah di Jalan TK 1/11, Taman Kinrara, Puchong, di antara jam 1.30 dan 2.30 pagi, 9 Mac 2012.

Selain itu, mereka juga menghadapi tuduhan kedua, membunuh pesara syarikat kewangan, Omar Peter, di tempat sama, antara jam 11.30 malam 8 Mac dan 1.30 pagi keesokannya.

Bagi kesalahan itu, kesemua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Mereka semua masing-masing berdepan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Perbicaraan depan Hakim, Datuk Abdul Halim Aman disambung pada 28 April depan.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 27
TARIKH: 04 APRIL 2014 (JUMAAT)**

**DNA PADA PUNTUNG ROKOK
SEPADAN DNA TIGA TERTUDUH**



SHAH ALAM 3 April - Mahkamah Tinggi di sini diberitahu puntung rokok yang merupakan barang kes dalam kes pembunuhan pensyarah Bahasa Inggeris Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics (KTAC) Zara Eleena dan bapanya, Omar Peter Abdullah, disahkan mempunyai asid deoksiribonukleik (DNA) yang berpadanan dengan DNA tiga daripada empat tertuduh dalam kes itu.

Ahli Kimia Jabatan Kimia Malaysia, Mohd. Izuan Othman, 43, berka-

ta, profil DNA pada puntung rokok itu berpadanan dengan profil DNA daripada spesimen darah tertuduh, Mohamad Zul Shahril Suhaimi, 22; Azizi Aizat Ibrahim, 22, dan Muhamad Safwan Muhamad, 22.

Beliau yang bertugas di bahagian forensik jabatan berkenaan memberitahu, DNA dua lagi individu iaitu saksi pendakwaan pertama, Fadhil Rushdan Rahman dan abang Mohamad Zul Shahril iaitu Mohamad Zufazren turut dikesan pada puntung rokok itu.

- Mohd. Izuan yang bertugas selama 17 tahun sebagai ahli kimia berkata demikian melalui pernyataan saksi yang dibacanya semasa memberi keterangan sebagai saksi ke-18 pendakwaan dalam perbicaraan kes bunuh Zara Eleena, 23, dan Omar Peter, 56.

Dalam kes itu, empat bekas pelajar KTAC, Mohamad Zul Shahril, Mohamad Sharafe Matt Noh, 21, Azizi Aizat dan Muhamad Safwan yang didakwa membunuh dua beranak tersebut di rumah No. 28, Jalan TK 1/11, Taman

Kinrara, Puchong, dua tahun lalu.

Perbicaraan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Aidatul Azura Zainal Abidin mewakili pihak pendakwaan di hadapan Hakim Datuk Abdul Halim Aman.

Mohd. Izuan turut memberitahu mahkamah, kesan DNA pada seluar jeans '35' berpadanan dengan profil DNA yang diperolehi daripada spesimen darah Mohamad Zul Shahril.

Katanya, beliau menjalankan pemprofilan DNA menggunakan teknik

Polymerase Chain Reaction (PCR) terhadap sampel barang kes yang diserahkan kepadanya.

Semasa disoal balas peguam, Afiffuddin Ahmad Hafifi, beliau bersetuju tidak mengetahui dari mana puntung rokok dan seluar jeans itu diambil dan turut bersetuju terhadap soalan peguam bahawa beliau tidak mengetahui puntung rokok telah dirampas dari rumah sewa Mohamad Zul Shahril. Perbicaraan akan bersambung 28 April sehingga 2 Mei ini.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 26
TARIKH: 04 APRIL 2014 (JUMAAT)**

Rogol isteri rakan: Buruh Indonesia dijel 9 tahun, 10 sebatan

KUCHING 3 April - Seorang buruh ladang warga Indonesia dihukum penjara sembilan tahun dan sebatan 10 kali oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini, setelah mengaku bersalah merogol isteri kepada rakan senegara yang dibunuhnya di sebuah rumah di Kampung Semeba, Kota Sentosa pada 19 Januari lalu.

Hukuman ke atas Bertrus, 31, dijatuhkan oleh Hakim Nixon Kennedy Kumbong.

Bertrus yang tidak diwakili peguam bela mengaku merogol mangsa di antara pukul 10 dan pukul 10.45 malam, hari kejadian di sebuah rumah tidak bernombor di Lorong 17, Kampung Semeba, Kota Sentosa.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Fakta kes yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Samira Khalili menyebut tertuduh yang berketurunan Bidayah berasal Bengkayan, Kalimantan Barat, Indonesia telah menolak mangsa sehingga terjatuh ke atas tilam sebelum merogol wanita tersebut.

Hasil pemeriksaan yang dilakukan oleh Dr. Prakash Mayandi sehari selepas kejadian, mengesahkan terdapat kesan koyakan lama pada ke-

maluan mangsa sementara analisis ujian asid deoksiribonukleik (DNA) oleh Jabatan Kimia Malaysia berjaya mengesan kehadiran sperma milik tertuduh di dalam kemaluan mangsa.

Sementara itu, pada 4 Mac lalu, Bertrus didakwa di Mahkamah Majistret di sini atas tuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian suami kepada wanita yang dirogolnya itu.



BERTRUS